

## MAHATHIR - SURAT

(1)

KUALA LUMPUR, 25 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD DALAM SURAT TERBUKANYA KEPADA RAKYAT MALAYSIA, MENGAJAK MEREKA MENYOKONG SEBUAH KERAJAAN YANG STABIL UNTUK MARA KE HADAPAN.

+INI BUKAN MASANYA MENCUBA IDEA-IDEA YANG TIDAK PERNAH DIUJI,+ KATA BELIAU DALAM SURAT YANG MENGANUNGI MANIFESTO BARISAN NASIONAL.

BELIAU YANG JUGA Pengerusi BN BERKATA, SEJARAH TELAH MENCATATKAN BAHAWA NEGARA INI PERNAH MENGALAMI ZAMAN KEMELESETAN EKONOMI SEPERTI YANG DIALAMI OLEH NEGARA-NEGARA MEMBANGUN YANG LAIN.

+BAGAIMANAPUN, KEADAAN KITA TIDAK SEBEGITU BURUK SEPERTI NEGARA-NEGARA LAIN. TETAPI KEADAAN INI MEMBIMBANGKAN RAKYAT MALAYSIA DAN OLEH ITU ADALAH MUDAH BAGI KITA MENYALAHKAN KERAJAAN DALAM KEADAAN SEPERTI INI, + KATANYA.

BELIAU BERKATA, RAKYAT PERLU MENERIMA HAKIKAT BAHAWA KINI WANG TIDAK MUDAH DICARI. OLEH ITU RUMAH-RUMAH, MOTOKAR DAN BARANG-BARANG SUKAR DIJUAL. HASIL PENDAPATAN KERAJAAN JUGA TELAH SUSUT. -- LAGI  
1256MST 25 07 86

## MAHATHIR - SURAT 2 KUALA LUMPUR

(1)

+BAGAIMANAPUN, MAKLUMAT MENYATAKAN KEJATUHAN HARGA BARANGAN BUKAN AKIBAT PERBUATAN KITA. TEKNOLOGI BARU, BAHAN-BAHAN TIRUAN, PENGELUAR-PENGELUAR BARU, PERMINTAAN LEMBAP DAN MANIPULASI PASARAN TELAH MENYEBABKAN KEJATUHAN HARGA KESEMUA BARANGAN UTAMA NEGARA,+ KATA BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA RAKYAT PERLU BERSIKAP TENANG DAN MENGATUR LANGKAH-LANGKAH BERJIMAT BAGI MENGATASI KEMELESETAN ITU.

+KALAU KITA MENGIKUT PERASAAN, Mencari jalan senang dan secara liar menuduh satu sama lain, kita hanya akan meruncingkan keadaan.

+KALAU KEADAAN MALAYSIA SEBEGITU BURUK SEPERTI DAKWAAN SESETEGAH PIHAK, KENAPA PULA BEGITU BANYAK ORANG LUAR NEGERI SANGGUP MENGHADAPI PELBAGAI AKIBAT UNTUK MENYELUDUPKAN DIRI KE NEGARA INI? + TANYA BELIAU.

MENURUT BELIAU, DALAM KEADAAN SUKAR BEGINI, NEGARA MEMERLUKAN TERAJU KEPIMPINAN YANG TEGUH, BERPENGALAMAN DAN KUAT UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI.

+TINDAKAN-TINDAKAN YANG DIAMBIL UNTUK MEMBETULKAN KEADAAN TELAH PUN MENUNJUKKAN HASIL, + UJAR BELIAU. -- LAGI  
1258MST 25 07 86

## MAHATHIR - SURAT 3 KUALA LUMPUR

(1)

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, NEGARA TELAH MENGURANGKAN PINJAMAN LUARNYA DARIPADA \$4.6 BILLION PADA TAHUN 1982 KEPADA \$0.8 BILLION TAHUN LEPAS. PERBELANJAAN KERAJAAN DIKURANGKAN DARIPADA \$27,110 JUTA TAHUN 1982 KEPADA \$24,859 JUTA TAHUN LEPAS.

+ KERAJAAN JUGA MENGURANGKAN IMPORT DAN DENGAN ITU IMBANGAN PEMBAYARAN KIAN MENGUNTINGKAN WALAUPUN EKSPOT BERKURANGAN. KAMI MENGADAKAN INSENTIF YANG LEBIH BERMANFAAT UNTUK PERKEMBANGAN EKONOMI. KAMI MEMPERBAIKI JENTERA KERAJAAN, MEWUJUDKAN PELUANG PEKERJAAN DAN KECEKAPAN KAKITANGAN AWAN JUGA MENINGKAT,+ KATANYA.

KATANYA, KERAJAAN AKAN TERUS BERPANDU KEPADA PRINSIP-PRINSIP BERSIH, CEKAP DAN AMANAH. KERAJAAN JUGA AKAN MENERUSKAN USAHANYA MEWUJUDKAN SEBUAH MASYARAKAT MODEN: BERDISIPLIN DAN BERAKHLAK.

BELIAU BERKATA, NEGARA KINI BERADA DALAM KEADAAN AMAN DAN STABIL, DI SAMPING DISEGANI OLEH BANYAK PIHAK.

MENURUTNYA, PERKHIDMATAN PERUBATAN, KESIHATAN DAN PELAJARAN DIKEKALKAN DAN TELAH DIPERBAIKI LAGI. HARGA BARANG-BARANG KEPERLUAN TELAH TURUN, RUMAH-RUMAH MURAH TELAH DIBINA DAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR SEDANG BERJALAN LANCAR. -- LAGI.

MAHATHIR - SURAT 4 KUALA LUMPUR  
(I)

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, SEKTOR PERTANIAN YANG MENJADI TUMPUAN GOLONGAN MISKIN AKAN TERUS MENDAPAT PERHATIAN SUPAYA MEREKA BOLEH MENIKMATI TARAF HIDUP YANG TINGGI.

RAKYAT MALAYSIA, KATANYA, PERLU BERSIKAP OPTIMIS TERHADAP MASA DEPAN KERANA NEGARA TIDAK AKAN BERGANTUNG SAMA SEKALI KEPADA PENGELUARAN PERUSAHAAN UTAMA SAJA. NEGARA AKAN JUGA MEMBUAT BARANG-BARANG UNTUK DIEKSPORT.

MENGENAI ALASAN PIHAK PEMBANGKANG BAHAWA MAJORITI DUA PERTIGA KERAJAAN DALAM PILIHAN RAYA UMUM DIKURANGKAN, KATANYA +MALAYSIA MEMERLUKAN SEBUAH KERAJAAN YANG KUKUH UNTUK MENJAMIN KESTABILAN NEGARA.+

+JIKA PIHAK PEMBANGKANG MEMEGANG TERAJU NEGARA, ADAKAH IA JUGA INGINKAN SEBUAH KERAJAAN YANG LEMAH, ?+, KATANYA.

SEBUAH KERAJAAN YANG LEMAH HANYA AKAN BERMAIN POLITIK DAN TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB KEATAS RAKYAT DAN NEGARNYA. -- LAGI  
1405MST 25 07 86

U B286 AAB

MAHATHIR - SURAT 5 KUALA LUMPUR

+APABILA PARA PEMIMPIN POLITIK TERPAKSA BERLAKON SECARA TIDAK SIHAT UNTUK MENGEKALKAN KEDUDUKAN MEREKA, NEGARA DAN RAKYAT MENANGGUNG SENSGARA. SANGGUPKAH KITA MENGHAMPAKAN MASA HADAPAN GENERASI AKAN DATANG?+

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, KERAJAAN KINI BERSIKAP LIBERAL DAN OLEH ITU PEMBANGKANG MENGAMBIL KESEMPATAN PENUH DARIPADANYA.

MENURUT BELIAU, BUAT MASA INI LAPORAN DAN ULASAN LEBIH BEBAS DALAM AKHBAR-AKHBAR DAN MAJALAH-MAJALAH. KADANG KALA LAPORAN-LAPORAN DAN ULASAN ITU TIDAK BERASAS DAN BERTUJUAN MENIMBULKAN KEKELIRUAN DAN SYAK WASANGKA.

+INILAH HARGA DEMOKRASI. LINDUNGAN KAMI HANYA KEBENARAN DAN TINDAKAN POSITIF,+ TEGASNYA.

+DALAM MENGHADAPI MASALAH-MASALAH, WALAU BAGAIMANA MENGANCAM SEKALIPUN, BN TIDAK MEMILIH SIKAP MELAMPAU,+ UJARNYA. -- LAGI.  
1427MST 25 07 86

U B287 AAB

MAHATHIR - SURAT 6 KUALA LUMPUR  
(I)

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, BN MENGAMBIL KEPUTUSAN TERHADAP SESUATU PERKARA MELALUI MUSYAWARAH, MENGENEPIKAN NAFSU, MENYUSUN RANCANGAN-RANCANGAN DAN MELAKSANAKANNYA SUPAYA MENDATANGKAN FAEDAH YANG NYATA.

+YANG PENTING BAGI BN IALAH HASIL, BUKAN KATA-KATA SAHAJA.+  
MENURUT BELIAU, JIKA BN TIDAK BERJAYA SEPENUHNYA, IA DISEBABKAN SEBAGAIMANA YANG BERLAKU KEPADA SEMUA NEGARA LAIN, BN TIDAK BOLEH MENDUGA SEGALA KEMUNGKINAN YANG BERLAKU, KERANA BN JUGA MANUSIA YANG MEMPUNYAI KEMAMPUAN TERBATAS SERTA KERANA BN MASIH DALAM PERINGKAT MEMPERTINGGI TEKNIK PELAKSANAAN.

BELIAU MEMBERI JAMINAN BAHAWA KERAJAAN AKAN MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH MEMBETULKAN KEADAAN MANAKALA DIPERLUKAN.

+DENGAN MANDAT YANG DIBERIKAN OLEH RAKYAT KITA AKAN BERSAMA-SAMA MENGATASINYA. KITA BERJAYA BERSAMA.+ -- BERNAMA.

1429MST 25 07 86